

**SOALAN NO.: 80**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN**  
**KAWASAN : ROMPIN**  
**TARIKH : 27 JULAI 2017, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SRI HASAN ARIFIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jalan di antara Keratong ke Bahau/Serting, dari segi strukturnya adalah sempit, bahu jalan yang kecil, jalan yang beralun menyebabkan banyak berlaku kemalangan jiwa. Bilakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf dengan melebarkan jalan ini dan mengukuhkan strukturnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut adalah melibatkan Jalan Persekutuan FT011, Jalan Bahau – Keratong. Sehubungan itu, selari dengan keutamaan *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian ini telah memohon untuk Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT011, Jalan Bahau – Keratong sepanjang 30km dalam Rolling Plan Ke-1, RMKe-11.

Walaubagaimanapun, cadangan projek ini tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat iaitu Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam tempoh tersebut. Namun demikian, Kementerian ini bersedia untuk menyenaraikan semula projek ini dalam pelaksanaan Rolling Plan yang akan datang sekiranya projek ini tersenarai dalam projek keutamaan negeri.

Sekian, terima kasih.